

PRAKTIS 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

1. I Seni silat gayung dipelajari oleh saya daripada datuk saya.
II Ubi yang ibu rebus malam tadi itu masih mentah.
III Tugas yang berat itu tidak mampu hamba pikul seorang diri.
IV Peraturan sekolah haruslah kalian semua patuhi.
A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
2. I Semua pelancong boleh menjelajah kawasan pelancongan tersebut berpandukan peta.
II Pengemis itu tidur di kaki lima kedai hanya berbantalkan dengan lengan.
III Kita perlu menyimpan banyak wang agar dapat digunakan semasa kecemasan.
IV Wartawan itu melaporkan kejadian tanah runtuh dari lokasi kejadian.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
3. I Hobi ayah ialah menyimpan koleksi piring-piring hitam lagu klasik.
II Banyak sarang labah-labah dijumpai di rumah datuk yang sudah lama terbiar.
III Kelihatan burung camar berterbangan di tepi pantai yang menjadi lokasi tumpuan pelancong itu.
IV Ada pekerja-pekerja yang membuat rungutan kepada pihak atasan kerana mereka masih belum dibayar gaji pada bulan lepas.
A I dan II
B II dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV
4. I Ibu tidak dapat melelapkan mata sebab risau akan abang yang masih belum pulang ke rumah.
II Selagi ayah belum membenarkan kami mengikuti rombongan sekolah ke Melaka, kami akan terus memujuknya.
III Pihak kastam percaya yang mereka telah berjaya menumpaskan sindiket penyeludupan senjata api di sempadan negara.
IV Murid kelas tersebut akan didenda sekiranya mereka enggan membersihkan kelas masing-masing.
A I dan II
B II dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV

